



**UCAPAN  
YANG BERHORMAT  
DATO SERI SETIA Ir. AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GHAFAR,  
MENTERI PEMBANGUNAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**SESI MUZAKARAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BERSAMA  
AHLI-AHLI YANG BERHORMAT MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
BAGI TAHUN 2022**

**Dewan An Naura, Tingkat 2  
Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Hari Khamis, 09 Rejab 1443 / 10 Februari 2022**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين

والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين

سيدنا محمد وعلى اله وصحبه أجمعين

- Yang Mulia, Dato Seri Setia Ar. Awg Hj Marzuke bin Hj Mohsin, Timbalan Menteri Pembangunan,
- Yang Berhormat Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti DSLJ Hj Abd Rahman selaku Ketua Rombongan Ali-ahli Majlis Mesyuarat Negara,
- Yang Berhormat, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara,
- Yang Mulia, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan,
- Yang Mulia, Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah, Pegawai-pegawai kanan sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Peramba/kaola/saya amat bersyukur kerana dapat bersua kembali bersama dengan Yang Berhormat, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini, merupakan saat-saat yang bermakna kepada ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pegawai-pegawai dari Kementerian Pembangunan bagi kita sama-sama mendengar perkembangan terbaharu, bukan saja menerima soalan-soalan tetapi jua menerima *feed back* atau maklum balas dari ahli-ahli Yang Berhormat selaku wakil rakyat, semata-mata dengan tujuan dan niat yang telus lagi ikhlas, untuk memperbaiki mana-mana kekurangan di dalam pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan serta peraturan, terutama sekali perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat yang berkaitan dengan pembangunan dan kesejahteraan orang ramai serta apa jua kemaslahatan orang ramai pada masa ini.

Mengimbas kembali permuzakarahannya kita yang lalu, kita telah banyak membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan yang mana, Al-hamdulillah, sebahagiannya telah dijadikan sebagai asas bagi menggubal dasar atau peraturan serta proses dalaman Kementerian ini. Sebagai misal, proses permohonan membina rumah persendirian yang telah di *streamline* di antara pihak ABCi dan Jabatan Perancangan Bandar & Desa, begitu juga dengan proses-proses permohonan lain yang telah dipermudahkan dengan adanya *online system* dan mempercepatkan tata-cara dalam memproses apa jua permohonan yang berkaitan dengan keperluan orang ramai.

Dipermuzakarahannya kali ini, peramba/kaola/saya juga mengharapkan agar kita memberi tumpuan yang sama iaitu kepada isu-isu yang benar-benar relevan dan memberikan impak kepada semua, bukan untuk kepentingan diri sendiri, dan dengan memperbanyakkan memberi buah fikiran daripada banyak bertanya. Insya-Allah segala apa jua pendapat dan cadangan yang berguna akan diambil perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian ini.

Memang tidak disangkalkan, Kementerian Pembangunan tidak lepas daripada menghadapi cabaran-cabaran terkini bagi memenuhi jangkaan keperluan orang ramai yang semakin meningkat dan mendesak. Oleh itu, selari dengan perubahan ekonomi

global yang mencabar, ditambah lagi dengan pandemik *corona-virus* yang melanda dunia pada masa ini, fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya perlu juga berubah seiring dengan arus transformasi negara yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan pada masa ini, sebagaimana jua di dalam petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut tahun baru masehi 2009. Baginda bertitah:

*"Sementara kita tidak mengetahui jawapan kepada cabaran-cabaran dunia yang sangat kompleks, kita perlu mempersiapkan diri bagi masa depan. Kerajaan Beta insya-Allah akan sentiasa membuat penilaian dan pembaikan-pembaikan yang bersesuaian. Kita memang tidak sunyi dari menghadapi pelbagai cabaran baru yang tidak siapa pun dapat menjangkakannya. Tetapi selaras dengan pegangan kita, kita berusaha, di samping berdoa dan bertawakal, dengan penuh berani. Ini semua, pada akhirnya, akan mewujudkan ketahanan nasional, yang berperanan besar untuk menjamin kemajuan dan kemakmuran negara.*

*Oleh sebab itulah kita telah merencanakan Wawasan Brunei yang munasabah sebagai warisan kewujudan bangsa. Wawasan telah mencarta hala tuju masa depan negara, memandu perancangan yang lebih bersistematik bagi menuju kepada sebuah negara dan mempunyai rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi lagi berjaya, berkualiti dan mempunyai ekonomi yang dinamik lagi berdaya tahan".*

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Seperti yang dimaklumi, pandemik *Covid-19* yang melanda negara kita telah memberi impak yang sangat mendalam terhadap aktiviti-aktiviti seharian kita, tidak terkecuali juga kepada pelaksanaan projek-projek di bawah Kementerian ini. Ianya tidak menghalang semua pihak termasuk pihak yang terlibat didalam sektor pembinaan di Kementerian ini untuk melaksanakan *business* mengikut *Business Continuity Plan* (BCP) masing-masing bagi meneruskan usaha-usaha dan perancangan yang telah

dirancang, walaupun melalui cabaran yang sukar dalam menjalankan tugas dan komitmen masing-masing.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tetap terus berusaha untuk memberikan bantuan dan apa jua sokongan bagi memastikan Negara akan dapat pulih daripada kesan jangka panjang krisis *pendamic covid-19* ini, khususnya terhadap kesihatan awam, aktiviti-aktiviti perekonomian dan pembangunan. Kita akan tetap terus berazam dan memperkasa kesejahteraan awam bagi memantapkan lagi sosio-ekonomi yang berdaya tahan dan lebih resilien.

Ke arah itu, usaha-usaha bagi mendokong keutamaan-keutamaan Kerajaan, strategi Kementerian Pembangunan adalah memberikan penekanan serta keutamaan selaras dengan matlamat wawasan Negara 2035, di mana kita akan memfokuskan kepada usaha-usaha menjamin sekuriti air dan penyediaan bekalan air bersih yang berterusan, pembangunan perumahan awam, pembukaan tanah-tanah kerajaan yang telah dikenal pasti bagi pelaburan pembangunan bercampur (*mixed development*), pembangunan infrastruktur bagi mitigasi banjir dan bencana alam serta mendokong strategi-strategi di bawah dasar perubahan iklim dan sumbangan bagi penubuhan pusat perubahan iklim ASEAN di Negara ini.

Begitu juga dengan penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam yang lain, akan diselaraskan dan dirancang secara bersepadu dengan penambahbaikan penyelarasan di antara Kementerian-Kementerian dan Jabatan yang berkaitan agar sumber-sumber utama dan aset-aset digunakan dengan optima, berdaya tahan, resilien dan berkualiti dengan mempertingkatkan polisi dan peraturan yang kondusif bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara ini.

Melalui *MOD Strategic Planning dan Policy Framework 2018-2023* melihat beberapa aspek perancangan jangka panjang seperti pelaksanaan projek-projek *landscape*, pengutipan sampah, penjagaan taman dan rekreasi serta pantai, pemotongan pokok-pokok kayu dan sebagainya, yang boleh disatukan di bawah satu agensi bagi

mengelakkan duplikasi dan meningkatkan pengawalseliaan yang efisien dan teratur. Ini termasuklah cadangan-cadangan bagi penubuhan beberapa authoriti yang difikirkan boleh membawa kepada *optimization of manpower*, membantu *manpower employment council* dan membolehkan Kementerian dan Jabatan lebih fokus kepada *core business* agar halatuju pembangunan terancang dan lebih teratur.

Demikian juga kerja-kerja pemeliharaan aset-aset Kerajaan termasuk bangunan-bangunan yang kosong dan terbiar, juga terus ditunduki di bawah satu Jawatankuasa Teknikal Bangunan Kerajaan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Menteri Pembangunan. Perkhidmatan bagi pemeliharaan lif-lif, alat penghawa dingin dan *chiller* untuk disatukan di bawah satu *Master Contract* Kementerian Pembangunan melalui keadah *Facility Management (FM) contract*.

Dari segi akta dan peraturan yang digunapakai masa ini, penguatkuasaan undang-undang juga telah dan sedang dipertingkatkan, serta penelitian semula akta-akta dan peraturan yang kurang *relevant* pada masa ini telah ditangani melalui satu *taskforce* di bawah Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan.

## **RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA**

Cabaran utama Rancangan Perumahan Negara ialah kedayatahan atau *sustainability*. Jumlah Permohonan skim bantuan perumahan semakin meningkat. Walaupun usaha untuk menyediakan perumahan di bawah skim RPN yang sedang berjalan pada masa ini, melalui pelaksanaan projek RKN 11 bagi pembinaan kira-kira 1,700 unit rumah kediaman RPN di Kg Lugu dan Kg Tanah Jambu, namun jumlah ini belum dapat mengimbangi keperluan yang sebenar. Usaha perlu dipertingkatkan bagi mencapai target menyediakan 85% rumah kediaman untuk rakyat dan penduduk di Negara ini menjelang 2035. Kaedah baru seperti PPP, kerjasama dengan pihak-pihak pemaju, perbankan dan pakar binaan adalah keadah-kaedah yang sedang diterokai oleh Kementerian ini bersama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta *Housing Focus Group*.

Ini termasuklah juga penyediaan tanah-tanah kerajaan yang dikenal pasti bagi pembinaan rumah-rumah di bawah skim bantuan perumahan bagi orang-orang da'if yang dikelolakan oleh pihak MUIB, JAPEM dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah terutama bagi golongan yang benar-benar memerlukan kediaman yang tidak mempunyai tanah akan dapat disediakan dengan secepat mungkin.

## **ISU AIR DAN STRATEGIK PENGURUSAN**

Seterusnya, dalam usaha bagi mencapai perkhidmatan bekalan air yang bersih, berterusan dan berkualiti, beberapa projek telah dan sedang dilaksanakan, termasuklah menaik taraf sistem loji rawatan, sistem paip utama, tangki-tangki, sistem pam air dan rancangan bagi menyediakan sistem pembahagian paip secara *dual* untuk jangka masa panjang.

Begitu juga dengan masalah kualiti air yang kita hadapi pada masa ini, terutama sekali dimusim hujan di sebelah ulu menyebabkan kandungan organic/material (manganese dan iron) agak tinggi di sungai tutong *water intake*, di sungai belait badas *water intake* yang menjadi antara penyebab warna air kekuningan. *Intensity* hujan yang tidak dijangka menyebabkan *sediment* dan *surface run-off water* banyak terkumpul dan mengalir di sungai-sungai berkenaan yang menjejaskan kualiti air mentah.

Walaupun beberapa usaha telah dijalankan ke atas rawatan air seperti menambah dos bahan kimia mengikut had, mengganti *sand filters*, memasang *aeration facilities* dan *potassium permanganate dosing facilities* termasuk melakukan kerja-kerja *flushing* dan pembersihan tangki-tangki air, namun masih juga terdapat kawasan-kawasan di Daerah Brunei-Muara masih menerima gangguan air dan warna air kekuningan. Penerangan lanjut mengenai isu air pada masa ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut lagi oleh Pengarah Perkhidmatan Air, JKR selepas ini.

## **PROTOKOL HIJAU – MENANGANI PERUBAHAN IKLIM**

Perubahan iklim merupakan ancaman yang paling mencemaskan pada masa ini, bukan saja diperingkat global, tapi juga bagi Negara kita.

Di sepanjang tahun 2021, Negara Brunei Darussalam merekodkan kejadian-kejadian bencana alam yang tertinggi di kebelakangan tiga tahun ini, terutamanya bagi kejadian banjir, tanah susur dan angin kencang. Jumlah pelepasan rumah hijau negara bagi tahun 2020 telah meningkat sebanyak 35% daripada tahun 2019 dan adalah tertinggi setakat ini.

Alhamdulillah, disepanjang tahun 2021, Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan aktif dalam sama-sama melaksanakan dasar kebangsaan perubahan iklim Negara Brunei Darussalam bagi membentuk hala tuju Negara ke arah sebuah ekonomi yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim.

Selaku Pengerusi bersama Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim, bersama ahli-ahli yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan, Kementerian Tenaga, Kementerian sumber-sumber utama dan pelancongan dan Kementerian Pengangkutan dan info-komunikasi adalah 'on-track' dalam membantu Negara mencapai sasaran komitmen di bawah perjanjian Paris iaitu mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau sebanyak 20% menjelang tahun 2030.

Semasa Persidangan COP 26, Negara Brunei telah pun menyatakan komitmen bersama dengan Negara-negara lain di dunia ini, untuk mencapai sasaran ke arah sifar bersih (net zero) menjelang tahun 2050 yang akan didorong melalui peralihan tenaga dan pemeliharaan hutan.

Komitmen-komitmen ini adalah penting bagi memprofilekan Negara sebagai sebuah Negara pengeluar Minyak, Gas dan produk petroleum yang rendah karbon. Ini akan membuka peluang-peluang di sektor rendah karbon yang baru iaitu peluang pelaburan dan perniagaan, perkhidmatan, kompetensi dan pekerjaan bagi anak-anak tempatan.



Salah satu fokus pada tahun ini ialah usaha bagi pembentukan Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change) yang mana kepakaran-kepakaran dan aktiviti-aktiviti dengan perubahan iklim serantau akan berpusat di Negara Brunei Darussalam.

## **PENGUATKUASAAN**

Dari segi tindakan penguatkuasaan, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan-Jabatannya sedang giat melaksanakan dan mempertingkatkan lagi usaha-usaha penguatkuasaan bagi mengawal aktiviti di bawah bidangkuasa masing-masing, diantaranya ialah:-

1. Perlaksanaan Peraturan Kompaun di bawah kawalan ABCi dan TCP; yang mana 11 kompaun di bawah Perintah Kawalan Kemajuan (BCO) dan 21 dikenakan kompaun di bawah kawalan TCP.
2. 68 surat amaran dan notis telah dikeluarkan kepada pemilik / penghuni / pemajak tanah TOL yang didapati melanggar syarat.
3. JASTRE telah mengenakan 8 kompaun bagi kes pembuangan sampah di tempat awam yang mana ianya adalah salah satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil.

Dengan adanya usaha-usaha penguatkuasaan ini, Kementerian Pembangunan yakin ianya akan dapat meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pematuhan undang-undang pembinaan, perancangan, tanah mahupun kebersihan yang boleh menjejaskan keselamatan orang awam atau harta benda di kawasan yang dimajukan, dan untuk menjaga kebersihan agar mengelak daripada pencemaran alam sekitar yang boleh memudaratkan kesihatan awam.

Demikian lah sahaja yang dapat peramba/kaola/saya dapat sampaikan di dalam majlis permuzakaran pada kali ini.

Insyallah, Kementerian Pembangunan akan sentiasa bersedia menunaikan tanggungjawab dan amanah bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini terjamin melalui perancangan pembangunan yang telah pun diatur. Sama-sama kita berdoa semoga apa jua rancangan yang telah dirancang akan dapat terlaksana dengan jayanya atas kebijaksanaan kepimpinan dan berkat Daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei. Kita semua adalah menyumbang kepada pembangunan fizikal negara dan marilah kita terus bekerjasama dan memperbaharui azam kita dengan keikhlasan untuk melaksanakan apa yang sudah dirancang supaya negara ini kekal menjadi negara yang aman, makmur dan mendapatkan keampunan Allah SWT.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.